

**PEMIKIRAN LEMBAGA DAKWAH ISLAM INDONESIA (LDII):  
ANALISIS PRAKTIK KEAGAMAAN DAN PENGARUHNYA  
DI KABUPATEN KERINCI**

Faizin

Mahasiswa Program Doktor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

faizin@gmail.com

**Abstract**

*The main problems in this research are: 1) how the background history of the Indonesian Islamic Propagation Institute (LDII) in Kerinci; 2) how the religious principles of the Indonesian Islamic Propagation Institute (LDII)? And 3) how the influence of religious ideology Indonesian Islamic Propagation Institute aspect of Worship?. This was qualitative research. Data collections were analyzed by using flow analysis. The results of this research are: 1) LDII spread and grow in Kerinci about 80s; 2) Indonesian Islamic Propagation Institute (LDII) Islamic organization based to the Qur'an and the Hadith (Jama), ijma 'and analogy; and 3) The influence of faith which has been believed in by experts of LDII as follows: First In the religious aspect, LDII accept the Qur'an and the hadith of the Prophet s.a.w as a religious principle. Likewise, the qaul of good friend are in terms of an analogy or ijmaknya. Second, the political aspect, it LDII AM having a view to the caliphate system of government headed by an 'amir. But the state system LDII take a moderate stance. Third in the economic field LDII based on the Islamic Shariah. Fourth, in the field of social culture has contributed to the experts LDII such as the customs ('urf), rights and status of women and socio-civic.*

**Keywords: Thinking, LDII, Religious Practices**

**Abstrak**

*Permasalahan pokok dalam penelitian ini antara lain: 1) bagaimana latarbelakang sejarah LDII di Kerinci; 2) bagaimana asas keagamaan LDII?; dan 3) bagaimana pengaruh paham keagamaan LDII aspek Ibadah?. Kaedah penelitian yang digunakan adalah kualitatif dengan menggunakan teknik analisa data flow analysis. Hasil penelitian antara lain: 1) LDII menyebar dan berkembang di Kabupaten Kerinci sekitar tahun 80-an; 2) Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) sebagai organisasi Islam berasas kepada al-Qur'an dan Hadith (Jama'ah), Ijma' dan Qias; dan 3) Pertama Dalam aspek keagamaan, LDII menerima al-Qur'an dan hadith Nabi s.a.w sebagai asas beragama. Demikian juga qaul sahabat baik dari segi qias mahupun ijmaknya. Kedua, aspek politik, LDII mempunyai pandangan kepada sistem pemerintahan khalifah yang dipimpin oleh seorang 'amir. Namun terhadap sistem kenegaraan LDII mengambil sikap moderat. Ketiga dalam bidang ekonomi LDII berasakan kepada syari'at Islam. Keempat, dalam bidang sosial Budaya telah memberikan pengaruh terhadap ahli-ahli LDII seperti terhadap adat ('urf), hak dan kedudukan wanita dan sosio kemasyarakatan.*

**Kata Kunci: Pemikiran, LDII, Praktik Keagamaan**

## Pendahuluan

Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) merupakan suatu organisasi Islam yang ditubuhkan Nurhasyim, R. Eddi Masiadi, Bachrani Hartono, Soetojo Wirjoatmojo dan Wijono pada 3 Januari 1972 di Kediri Jawa Timur (Indonesia). Menurut hasil penelitian Amin Jamaluddin, organisasi LDII secara geneologi mempunyai hubungkait dengan faham Darul Hadis yang ditubuhkan oleh Kiai Haji Nurhasan Ubaidah di lingkungan tahun 1940-an. Sebelum itu, pertubuhan ini mengalami beberapa kali menukar penyebutan. Pada awalnya pertubuhan ini dikenali dengan nama; Yayasan Lembaga Karyawan Islam (YAKARI), Lembaga Karyawan Islam, kemudian diubah LEMKARI (Lembaga Karyawan Islam) dan terakhir menjadi Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) pada 1991 sehingga kini<sup>1</sup>.

Sebagai organisasi sosial keagamaan, LDII tidak hanya melakukan aktiviti keagamaan tetapi juga meliputi aktiviti sosial masyarakat seperti bakti sosial, kegiatan pemuda, kegiatan wanita, kegiatan ekonomi dan pendidikan Islam. Dalam bidang keagamaan LDII melaksanakan pemurnian akidah Islam dari *tahayul*, *khurafat*, *bidaah* dan *syirik*, mempelajari al-Qur'an dan hadith dengan kadah *manqul*. Kegiatan pengajian ini meliputi pengajian orang dewasa, remaja dan anak-anak yang dikenal dengan pengajian cabe rawit (*cili api*), sedangkan bahan rujukan pada pengajian adalah al-Qur'an dan *khutub al-Sitah*. Pada bidang ekonomi LDII mengembangkan ekonomi syari'ah dalam bentuk unit usaha bersama (UB) dan bekerjasama dengan pihak bank syar'ah. Bidang sosial dan budaya menjalin kerjasama dengan berbagai masyarakat iaitu pemerintah, pemuda, wanita dan NGO. Sedang dalam pendidikan dengan membangun pendidikan formal dan non formal seperti; sekolah dasar, sekolah menengah dan pondok-pondok pesantren.

Namun disebalik kewujudan organisasi ini, didapati masih ada sebahagian daripada masyarakat yang mengamal ajaran Islam belum memahami konsep LDII. Kondisi tersebut membawa perbeza antara pemahaman Islam yang telah mereka yakini dengan praktik pemahaman LDII. Sehingga perbezaan dalam memahami konteks amalan LDII dengan amalan yang dianut oleh majoriti Muslim, mengherat LDII dengan sebahagian umat Islam Indonesia ke dalam pertikaian.

Umat Muslim Indonesia amnya dan khasnya Provinsi Jambi mempunyai pandangan yang berbeza-beza mengenai kewujudan pertubuhan LDII diantaranya seperti yang dinyatakan oleh Suparman dalam tumubual berikut: "LDII merupakan pertubuhan Islam yang

---

<sup>1</sup> Lihat Mudijomo, *Akta Notaris LEMKARI*, Surabaya: Notaris Mudijomo Surabaya, 1972, h. 1-5, Lihat juga Lembaga Penelitian dan Pengkajian Islam (1998), *Bahaya Islam Jama'ah Lemkari LDII*, Jakarta: LPPI, h.6

mempunyai faham, apabila bersentuhan kulit dengan orang diluaran LDII mereka anggap najis dan bekas dari najis itu harus dibasuh agar najisnya hilang.<sup>2</sup> Kemudian ada yang berpendapat bahawa LDII merupakan pertubuhan Islam seperti pertubuhan Islam lainnya tetapi ada berbagai faham membuat LDII terkesan ekstrim dan eksklusif. Kenyataan ini diungkapkan oleh Muhammad Isra'i' bahawa LDII merupakan pertubuhan yang berpandangan keras atau ekstrim dan terkesan eksklusif, kerana kurang bercampur dengan masyarakat dan mereka lebih sibuk dengan aktiviti pengajian dan aktiviti lainnya.<sup>3</sup>

Namun ada juga yang berpandangan yang toleran seperti yang dikemukakan oleh Aditya bahawa selama aktiviti LDII tidak mengganggu ketenangan dan kedamaian masyarakat serta fahamnya tidak bercanggah dengan al-Qur'an dan Hadith maka LDII adalah pertubuhan yang baik.<sup>4</sup>

Terlepas dari berbagai pandangan di atas dalam perspektif intelektual dan sarjanaterdapat perbezaan pandangan terhadap LDII, seperti; Abdurrahman Wahid menyebut sebagai gerakan sempalan.<sup>5</sup> Imran A.M dan Ahmad Taufik (1979), Hartono Ahmad Jaiz (2002), H.M.C. Shodiq (2004), M. Amin Jamaluddin (2007), memanggilnya sebagai aliran sesat.<sup>6</sup> Kuntowijoyo<sup>7</sup> mengklasifikasikan sebagai gerakan *archaisme*; Azyumardi Azra<sup>8</sup> menyebutnya gerakan *uṣūliyyah al-Islamiyyah*,<sup>9</sup> dan Said Agil Siraj menyebutnya sebagai aliran *mutanaṭṭi'*, *tanaṭu'* (eksklusif), kerana LDII masih dalam skop kelompok *mu'alima min al-dīn bi ḍarurah*.<sup>10</sup>

Munculnya permasalahan tentang ajaran akidah LDII yang sukar diterima oleh masyarakat tradisional dan masyarakat Islam yang fanatik diakibatkan oleh kurangnya

---

<sup>2</sup>Suparman, (Ulama Pemukiman Kayu Aro Barat Distrik Kerinci), dalam wawancara dengan penulis, 15 Februari 2009

<sup>3</sup>Muhammad Isro'i, (Tokoh Masyarakat Kayu Aro Barat), dalam wawancara dengan penulis, 17 Februari 2009

<sup>4</sup>Abdul Rahman, (Ketua Pemukiman Sungai Penuh), dalam wawancara 12 Februari 2009

<sup>5</sup>Menurut Abdurrahman Wahid (1995), Sempalan dalam bahasa Jawa searti *archaisme*. Menurut Martin Van Bruinessen "gerakan sempalan" berarti "ortodoksi" atau "mainstream" (aliran induk); kerana gerakan *sempalan* adalah gerakan yang menyimpang atau memisahkan dari ortodoksi yang berlaku. Lihat Marti Van Bruinessen, Gerakan Sempalan di Kalangan Umat Islam Indonesia: Latar Belakang Sosial-Budaya, *Ulumul Qur'an*, Vol III No. 1 Tahun 1992, h.16

<sup>6</sup>Lihat Hartono Ahmad Jaiz (2006), *Aliran dan Paham Sesat di Indonesia*, Jakarta: Pustaka al-Kautsar, h.77-113, H.M.C. Shodiq (2004), *Akar Kesesatan LDII dan Kasus Penipuan Triliunan Rupiah*, Jakarta: LPPI.

<sup>7</sup>Kuntowijoyo (1987), *Budaya dan Masyarakat*, Yogyakarta:Tiara Wacana, h. 91

<sup>8</sup>Azyumardi Azra (1996), *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVII*, Bandung: Mizan h. 109

<sup>9</sup>Tobroni (1996), Keamiran dan Jamaah Studi Tentang Hubungan Amir-Jamaah dan Pengaruhnya Terhadap Perilaku Keagamaan warga LDII di Jawa Timur, *Tesis*, Malang Universiti Muhammadiyah Malang, h.105

<sup>10</sup>Said Agil Siradj, Mereka Kita Anggap *Mutanaṭṭi'*, dalam Setiawa, Habib, et all. *After Paradigm: Catatan Para Ulama Tentang LDII*, Jakarta: Pusat Studi Islam Madani Institut, h. 90

pendedahan daripada ahli Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) tentang bagaimana kedudukan yang sebenar ajaran LDII bila mana dilihat dari sudut pandang akidah Islam. Sebenar dari sudut asas yang dibentangkan dalam Anggaran Dasar, akidah LDII berasaskan daripada al-Qur'an dan Hadith Nabi s.a.w. Sebagaimana dalil yang dipergunakan dalam memperkukuhkan ajaran akidah LDII iaitu:

Artinya: “Dan turutlah--al-Qur'an--sebaik-baik. (panduanghidup) yang diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu, sebelum kamu didatangi azab secara mengejut, sedang kamu tidak menyedarinya”. Surah az-Zumar (39): 55

Artinya: “(Katakanlah kepada mereka Wahai Muhammad): "Turutlah apayang telah diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu dan janganlah kamu menurut pemimpin-pemimpin yang lain dari Allah; (tetapi sayang) amatlah sedikit kamu mengambil peringatan".Sūrah al-A'raf (7):3

Kemudian dalil *hadith* dalam hal ini, sebagaimana yang direkodkan oleh Imam Malik, sebagai berikut:

مالك بن أنس رحمه الله بَلَّغَهُ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ : تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّةَ رَسُولِهِ .

Artinya: “Mālik ibn Anas r.a., menyampaikan bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: Aku tinggalkan padamu dua perkara, apabila kamu berpegang teguh kepada keduanya, nescaya kamu tidak akan tersesat selama-lamanya iaitu Kitab Allah dan Sunnah Rasul”.<sup>11</sup>

Berdasarkan hukum ketatanegaraan Indonesia dan pelaksanaan peraturan organisasi, LDII menjadikan Pancasila sebagai asas organisasi. Ketetapan itu dicantumkan dalam qanun asasi LDII pada bab II iaitu tentang azas, maksud dan tujuan sebagai berikut;

*Satu*, asaspada perkara 4. “Lembaga Dakwah Islam Indonesia berazaskan Pancasila.

*Kedua*, maksud pada perkara 5. “Lembaga Dakwah Islam Indonesia bermaksud melakukan atau melaksanakan dan berperanserta menghimpun seluruh potensi bangsa, yang memiliki persamaan cita-cita, wawasan, dan tujuan, sehingga memiliki satu visidan persepsi dalam mengalang persatuan dan kesatuan bangsa dalam negara kesatuan Republik Indonesia yang berdasarkan Pancasila dan Undang-Undang Dasar 1945.

*Ketiga*, Tujuan perkara6, “Lembaga Dakwah Islam Indonesia bertujuan meningkatkan kualitas peradaban, hidup, harkat dan martabat dalam kehidupan bermasyarakat, berbangsa, dan bernegara serta turut serta dalam pembangunan manusia Indonesia seutuhnya, yang dilandasi oleh keimanan dan ketakwaan kepada Tuhan yang Maha Esa

---

<sup>11</sup>Mālik, *Muwatha'*, Bab Al-Nahy 'Anqaul bi al-Qadr, Juz 5 (Bayrut : Dar al-Nafa'is, 2009) hadith No. 1323, 3338

guna terwujudnya masyarakat madani yang demokratis dan berkeadilan sosial berdasarkan Pancasila, yang diridhoi Allah Subhanahu Wa ta'ala."

Merujuk kepada permasalahan secara umum yang dibicarakan di atas tadi, tentang pertubuhan LDII di Indonesia berasaskan kepada al-Qur'an dan Hadith, undang-undang Negara, dan peraturan-peraturan Negara lainnya. Dengan demikian dapatlah dirumuskan permasalahan secara khusus iaitu: 1) bagaimana latarbelakang sejarah Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) di Kerinci; 2) bagaimana asas keagamaan Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII)?; dan 3) bagaimana pengaruh paham keagamaan Lembaga Dakwah Islam aspek Ibadah?. Berdasarkan rumusan masalah tersebut, maka tujuan dari penelitian ini yakni: 1) untuk mengetahui sejarah perkembangan Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) di Kabupaten Kerinci; 2) menganalisis asas pemikiran Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) dilihat dari sudut pandang pemikiran Islam; dan 3) mengetahui bagaimana pengaruh paham keagamaan Lembaga Dakwah Islam Indonesia di Kabupaten Kerinci.

### **Metode Penelitian**

Kaedah yang digunakan dalam penelitian ini adalah kaedah kualitatif. Pendekatan kualitatif dipilih kerana berkait rapat dengan sifat unik realiti sosial dan dunia tingkah laku manusia, terlebih objek penelitiannya adalah suatu komuniti keagamaan yang mempunyai keunikan sendiri. Sumber data dalam penelitian ini diperoleh melalui dua sumber, iaitu (1) sumber-sumber lapangan (*field research*), dan (2) sumber-sumber dokumen. Kaedah pengumpulan data yang dipergunakan dalam penelitian adalah pemerhatian (*obsevasi*), wawancara dan dokumentasi. Analisis data yang dipergunakan dalam penelitian ini adalah *flowanalysis* iaitu analisis berkembang mengikuti informasi atau data yang diperlukan, sehingga memungkinkan melibatkan pihak luaran lokasi penelitian yang dipandang mengarti dan memahami kehidupan individu-individu sebagai anggota masyarakat lokasi penelitian. Di samping itu, peneliti sejak awal tidak membatasi subyek atau responden penelitian sebelum pengumpulan data dilakukan. Proses penggalian data juga mempertimbangkan model *trianggulasi*.

## Hasil Penelitian dan Pembahasan

### A. Latar Belakang Sejarah Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) di Kerinci

Menurut sejarah perkembangan LDII masuk dan berkembang di Kabupaten Kerinci adalah sekitar tahun 1980-an. Menurut Manan, organisasi ini telah ada sejak akhir 70-an atau awal tahun 80-an.<sup>12</sup> Demikian juga diakui oleh Pimpinan Daerah Kabupaten Kerinci LDII mula bertapak di wilayah Kerinci tahun 1980-an.<sup>13</sup> Kewujudan LDII Kabupaten Jambi tidak berbeda dengan induk organisasi yang berkedudukan LDII di Kabupaten Kerinci dan Jakarta iaitu *metamorfosis* dari organisasi organisasi Lembaga Karyawan Indonesia, atau Lembaga Karyawan Dakwah Indonesia yang dikenali dengan nama LEMKARI.

Sejak didakwahkan awal 1980-an hingga saat ini, persebaran LDII berpusat di Kecamatan Kayu Aro, Kayo Aro dan beberapa kecamatan di lainnya. Sehingga kini LDII di Kabupaten Kerinci struktur dari Pimpinan Daerah, Pimpinan Cabang dan Pimpinan anak cabang. Perkembangan LDII di Kabupaten Kerinci dilakukan oleh para mubaligh dan warga LDII utamanya berasal dari Jawa yang telah memperoleh pendidik di Pondok Pesantren Burengan Kendiri Jawa Timur.

Secara garis besar penyebaran LDII di Kabupaten Kerinci dipengaruhi oleh dua faktor iaitu faktor dalaman (*intern*) dan faktor luaran (*exstern*). Faktor dalaman (*intern*) penyebaran LDII sebagai berikut; *pertama*, LDII merupakan organisasi dakwah Islamiah yang bertujuan menyeru kepada seruan agama Islam yang menjadi tanggungjawab setiap individu untuk mendakwahkan ajaran Islam (*al-amr ma'ruf wa nahi wa al-munkar*); *kedua*, tujuan ditubuhkan organisasi LDII adalah untuk ikut serta dalam meningkatkan kualiti kehidupan bermasyarakat, berbangsa dan bernegara; *ketiga*, dakwah Islamiah mudah dilakukan melalui organisasi yang resmi berbanding dakwah yang dilakukan secara individual; *keempat*, Melalui organisasi pelbagai program dalam dakwah Islam boleh dilakukan; *kelima*, mewujudkan ajaran Islam sesuai dengan al-Qur'an dan Hadith Nabi s.a.w.<sup>14</sup>

Sedangkan faktor luaran (*exstern*) didakwahkan faham LDII di kabupaten Kerinci seperti; *pertama*, praktikal ajaran Islam yang bercampur unsur *tahayul*, *bidaah*, *syirik* dan *khurafat*; seperti bercampurnya ajaran Islam dengan tradisi animisme, ajaran agama Hindu

---

<sup>12</sup> Mahmud Manan (1980), *Pokok-Pokok Ajaran Islam Jemaah*, Jambi: Pusat Penelitian IAIN Sultan Taha Syaifuddin Jambi, h. 15

<sup>13</sup> Nurhamid Hadi, *Wawancara*, Ketua Dewan Pimpinan Daerah Kabupaten Kerinci tanggal 3 Juli 2016

<sup>14</sup> Directori LDII, *op.cit.*

dan Buddha; *kedua*, kewujudan perkara syirik kepada Allah S.W.T. yang dilakukan di tengah-tengah komuniti Muslim amnya dan Kabupaten Kerinci khususnya; *ketiga*, kegagalan dan belum sepenuhnya terwujudnya dakwah Islamiah yang telah dilakukan oleh pelbagai institusi agama membawa masyarakat kepada ajaran Islam yang sempurna.<sup>15</sup>

## B. Asas Keagamaan Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII)

### 1. Al-Qur'an

LDII menyakini al-Qur'an sebagai sumber dan asas akidah amnya sama dengan keyakinan majoriti umat Islam Indonesia, tetapi dalam kewajiban mempelajari al-Qur'an, LDII memiliki cara yang berbeda. LDII lebih mengutamakan mempelajari al-Qur'an dengan kaidah *manqul*. Menurut LDII kaidah *manqul* bertujuan menjaga kemurnian kandungan al-Qur'an serta mencegah dari kepentingan-kepentingan "elit agama", yang bercanggah dengan al-Qur'an itu sendiri. Sehingga bukan perintah agama yang diamalkan tetapi justeru pemikiran dan kepentingan ulama. Oleh itu, LDII mempergunakan kaidah *manqul* dalam memahami al-Qur'an agar tetap di jalan yang benar, mengamalkan pembelajaran al-Qur'an dan al-hadith.

Manqul ialah sistem pembelajaran berangkai dan turun temurun (*muttasil*) mulai dari Nabi s.a.w., para sahabat, para *tabi'in*, *tabi'tab'in* dan seterusnya sampai sekarang. Ahli LDII dianjurkan memahami kitab suci secara *manqul* kepada salah seorang mubaligh atau guru yang telah manqul kepada ulama terdahulu dan seterusnya sambung kepada Nabi s.a.w. Pengajian dengan sistem *manqul* ini bertujuan agar kefahaman agama para jemaah tetap di jalan wahyu, tidak terjejas daripada pemikirannya sendiri dan supaya tetap dalam barisan "jamaah".

LDII menggunakan kaidah *manqul* sebagai pendekatan memahami al-Qur'an kerana kaidah *manqul* menurut majoriti ulama mempunyai peringkat tertinggi dalam proses penyampaian hadith (*tārīqa al-tahammul*). Berbanding kaidah *al-simā'* (mendengar) iaitu seorang guru membaca hadith baik dari hafalan mahupun dari kitabnya sedang hadirin mendengarnya baik majlis itu *imla'* atau bentuk lain.<sup>16</sup>

Meskipun LDII berbeda dalam mempelajari al-Qur'an dengan cara "manqul" namun tidak bererti mengembangkan faham liberal dalam memahami kitab suci. Menurut LDII mengamalkan agama mesti dalam konteks syari'at (wahyu).

---

<sup>15</sup> Amin Jamaludin, *op.cit.*, h. 111-113

<sup>16</sup> Muhammad 'Ajjaj al-Khatib (1985), *Uşul al-Hadīth* Kaherah: Dār al-Fikrh. 204

## 2. Al-Hadith

LDII sependapat dengan ‘Ulama Jumhūr menjadikan hadith sebagai sumber hukum yang kedua setelah al-Qur’an dan dasar dalam menetapkan akidah. Kewujudan LDII dalam menerima hadith sebagai sumber akidah ialah kerana dalam ayat-ayat al-Qur’an sebagai asas pemikiran itu ditemukan beberapa kata *al-Hikmah* yang menyertai kata *al-Kitāb*, yang bermakna al-Sunnah, dan makna ini lebih logik, kerana setelah kata al-kitāb adalah al-Qur’an, maka al-Hikmah tidak lain ialah al-Sunnah yang dijadikan sebagai penjelasan, penafsiran ataupun penambahan dari makna *al-kitāb*.<sup>17</sup> Keyakinan LDII dalam menerima hadith seperti penggunaan kitab hadith “Kutub al-Sittah” sebagai rujukan dalam hukum Islam mahupun memahami akidah. Adapun hadith yang menjadi rujukan LDII sebagai berikut:

عن مالك بن أنس رحمه الله بَلَّغَهُ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ : تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمُ بِهِمَا كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّةَ رَسُولِهِ .

Artinya: “*Mālik ibn Anas raḥīma Allāh, menyampaikan bahawa Rasūlullah s.a.w bersabda : Aku tinggalkan padamu dua perkara, apabila kamu berpegang teguh kepada keduanya, nescaya kamu tidak akan tersesat selama-lamanya iaitu Kitab Allah dan Sunnah Rasul*”.<sup>18</sup>

حَدَّثَنَا عَبْدُ الْوَهَّابِ بْنُ نَجْدَةَ حَدَّثَنَا أَبُو عَمْرٍو بْنُ كَثِيرٍ بْنُ دِينَارٍ عَنْ حَرِيْزِ بْنِ عُنْمَانَ عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ أَبِي عَوْفٍ عَنْ الْمُقْدَامِ بْنِ مَعْدِي كَرِبٍ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ أَلَا إِنِّي أُوتِيتُ الْكِتَابَ وَمِثْلَهُ مَعَهُ

Artinya: “*Telah menceritakan kepada kami Abdul Wahhāb ibn Najdah berkata, telah menceritakan kepada kami Abū ‘Amr bin Katsīr ibn Dinār dari Harīz ibn Utsmān dari ‘Abdurrahman ibn Abū Auf dari al-Miqdām ibn Ma’dī Karib dari Rasūlullah s.a.w bersabda: "Ketahuilah, sesungguhnya aku diberi al-Qur'an dan yang semisal bersamanya (al-Sunnah).*”<sup>19</sup>

Pertimbangan LDII hadith sebagai asas akidah, kerana penyelidikan dan penulisan kitab-kitab telah hadith melalui proses yang begitu teliti yang meliputi; *Pertama*, pembukuan hadith telah melawati proses yang teliti dan ketat sebelum ditetapkan dalam penulisan hadith. *Kedua*, kesungguhan para sahabat dalam menyampaikan sunah Rasulullah. *Ketiga*, pengetahuan tentang para perawi dan sikap kritis yang tinggi dalam menerima riwayat-riwayat mereka. *Keempat*, penyusunan ilmu “*al-Jarh wa al-Ta’dil*”. *Kelima*, pengumpulan dan penyusunan *illat-illat* hadith dengan pembahasan yang lengkap. *Keenam*, penyusunan kaidah-kaidah yang menjelaskan kriteria penerimaan atau penolakan

<sup>17</sup>Lihat Surah al-Baqarah 2: 231 “...Dan kenanglah nikmat Allah Yang diberikan kepada kamu, (dan kenanglah) apa Yang diturunkan kepada kamu Iaitu Kitab (Al-Quran) dan ilmu hikmat, untuk memberi pengajaran kepada kamu dengannya”.

<sup>18</sup>Imam al-Haramayn al-Juwayni, ‘Abd al-Malik ibn ‘Abd Allah, *Muwatha’*, *Bāb Al-Nahy ‘Anqaul bi al-Qadr*, Hadith Nomor. 3338, Juz 5

<sup>19</sup> Abu Dāwūd, *Sunan Abu Dāwūd*, *Bāb Fī Luzūmi al-Sunnah*, Hadith no 4604 h. 1561



suatu hadith. Dan hasil penyelidikan dan pembukuan kitab-kitab hadith telah menghasilkan kitab-kitab Hadith yang muktabar baik dari aspek *matn*, *sanad* mahupun keluasan ruang lingkup permasalahannya. Kitab-kitab hadith yang muktabar seperti yang tergabung dalam *Kutub al-Sittah* iaitu enam kitab hadith yang meliputi; *Ṣahih al-Bukhāri*, *Ṣahih al-Muslim*, *Sunan Abu Dāwud*, *Sunan al-Tirmidhī*, *Sunan al-Nasā’i* dan *Sunan Ibn Majah*.

Hadith sebagai sumber hukum Islam dan akidah di tengah-tengah komuniti umat Islam terdapat permasalahan, mengingat sejarah penulisan hadith pada awal penyampaian hadith pernah dilarang oleh Nabi s.a.w..<sup>20</sup> Demikian dengan peringkat kesahihan hadith. Terhadap permasalahan hadith ini, di kalangan kaum Muslim terdapat perselisihan seperti; perselisihan mengenai *ḥadith ahad* sebagai dasar hukum dan penggunaan hadith *dhaīf* untuk meningkatkan *fadhā’il al-A’mal* (keutamaan amal).

Di samping itu ditemukan adanya perorangan atau kelompok yang menolak hadith (*ingkar al-Sunnah*) sebagai sumber hukum kedua atau menolak hadith sebagai sumber ajaran Islam sesudah al-Qur’an, baik pada abad pertama Hijriyah mahupun masa kini.

Selain al-Qur’an dan al-hadith, LDII mempergunakan tradisi para sahabat Nabi s.a.w. berupa ucapan (*qaul al-ṣahabat*) mahupun tindakan-tindakan mereka. Tradisi sahabat yang diterima itu tentunya yang tidak bercanggah dengan *lafaz mantuq* (tekstual) dari al-Qur’ān dan Sunnah Rasul serta para ṣahabat itu telah diakui kesalihannya seperti; *Khulafā’ al-Rasyidīn*.

### 3. Akal

Dalam fungsi akal, LDII berpandangan bahawa akal mempunyai kedudukan yang amat tinggi dan mulia, kerana akal merupakan syarat yang harus ada pada diri manusia untuk dapat menerima hukum taklif dari Allah. Hukum-hukum syari’at tidak berlaku bagi mereka yang tidak menerima taklif, seperti orang yang kehilangan akalnya. Oleh itu, akal menjadi syarat dalam beragama.

Kemudian LDII berpandangan bahawa kurang ilmu akan mempengaruhi pola fikir dan langkah-langkah seseorang dalam kehidupan sehari-hari sehingga tanpa sedar telah terkeluar dari kemurnian ajaran agama Islam. Dengan dimiliki ilmu seseorang dapat

---

<sup>20</sup> M.H. Allamah Thabathaba’i (1993), *Islam Syi’ah, Asal Usul dan Perkembangannya*, Jakarta: Grafiti, h. 111 Lihat Muslim ibn al-Hajjaj al-Qushayri, *Ṣahih Muslim*, “Jangan penulis apa-apa selain al-Qur’ān dari saya, barang siapa menulis dari saya selain Qur’ān (yakni: Hadith), hendaklah menghapuskannya” Hadith riwayat Muslim dari Abū Sa’id al-Khudri.

membezakan yang *haq* dan batal, halal dan haram sehingga dapat memperkukuh rasa taqwa kepada Allah.<sup>21</sup> Firman Allah:

Artinya: “...Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hambaNya hanyalah orang-orang yang berilmu. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Pengampun. Sūrah Fatir (35):28

Menurut LDII, kedudukan akal juga mempertingkat kualiti hidup seorang muslim, sebagaimana pendapatnya dalam pembinaan terhadap generasi muda sebagai berikut:

Sebagai wujud syukur kepada Allah yang telah menganugerahkan nikmat kepada kita berupa akal sehat sehingga memungkinkan manusia boleh berfikir sekaligus memberdayakan dirinya, maka di era yang kompetitif ini manusia dituntut untuk memanfaatkan dan memberdayakan akalnya yang merupakan indikator tinggi rendahnya kualiti sumber tenaga manusia. Baik dilihat dari sudut pandang duniawi mahupun ukhrawi, untuk mencapai kualiti hidup yang berderajat tinggi, salah satu unsur yang paling penting dibina adalah kreativiti manusia dalam mengoptimalkan akal budi sehingga nantinya akan melahirkan manusia yang gemar beribadah dan bekerja secara cerdas dengan dilandasi oleh keimanan dan ketakwaan terhadap Allah s.w.t.<sup>22</sup>

Menurut kutipan di atas, LDII berpandangan bahawa akal merupakan indikator tinggi rendahnya kualiti sumber tenaga manusia (STM). Informasi ini diperoleh dari kata-kata “manusia yang gemar ibadah dan bekerja secara cerdas” perkataan tersebut mengandungi erti bahawa manusia yang dapat bekerja dengan cerdas dan melaksanakan ibadah pada prinsip lahir daripada kemampuan akal fikiran dalam memahami dan menghayati ilmu agama mahupun ilmu lainnya. Kerana dengan kecerdasan akal mereka dapat memahami hukum-hakam suruhan dan tegahan dalam al-Qur’ān dan hadith. Pandangan LDII sebagaimana firman Allah:



Artinya: “...Supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan ugama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat...” Sūrah al-Mujādilah (58): 11



Artinya: “Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; Sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya”.Sūrah al-Isrā (17): 36

<sup>21</sup> LDII (2007), *Makalah Cinta Alam Indonesia*, Jakarta:LDII, h. 59

<sup>22</sup>*Ibid.*, h.67

Meskipun kedudukan akal boleh mempertingkat kualiti manusia, LDII dalam mempergunakan akal masih tunduk dan patuh kepada hukum syara' yakni al-Qur'an dan hadith. Hal ini, terekam daripada rujukan LDII terhadap satu hadith yang melarang kebebasan akal dalam menafsirkan al-Qur'an sebagai berikut:

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُحَمَّدِ بْنِ يَحْيَى حَدَّثَنَا يَعْقُوبُ بْنُ إِسْحَاقَ الْمُقْرِيَّ الْحَضْرَمِيُّ حَدَّثَنَا سُهَيْلُ بْنُ مِهْرَانَ أَخُو حَزْمِ الْفُطَيْيِّ حَدَّثَنَا أَبُو عَمْرَانَ عَنْ جُنْدُبٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ مَنْ قَالَ فِي كِتَابِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ بِرَأْيِهِ فَأَصَابَ فَقَدْ أَخْطَأَ<sup>23</sup>

Artinya: “Telah menceritakan kepada kami Abd Allāh bin Muḥammad bin Yaḥya telah menceritakan kepadaku Ya'qūb bin Ishāq al-Muqri` al- Ḥaḍrami telah menceritakan kepada kami Suhail bin Mihrān saudara Ḥazm al-Quṭa'i, telah menceritakan kepada kami Abū 'Imrān dari Jundub ia berkata, "Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda: "Barangsiapa berbicara tentang Kitabullah 'azza wajalla menggunakan pendapatnya, meskipun benar maka ia telah salah."

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ غَيْلَانَ حَدَّثَنَا بِشْرُ بْنُ السَّرِيِّ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ عَنْ عَبْدِ الْأَعْلَى عَنْ سَعِيدِ بْنِ جُبَيْرٍ عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ مَنْ قَالَ فِي الْقُرْآنِ بِغَيْرِ عِلْمٍ فَلْيَتَّبِعُوا مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ<sup>24</sup>

Artinya: “Dikatakan Maḥmūd ibn Ghailān, Bishr ibn al-Sarri, Sufyān dari 'Abd 'A'la dari Sa'īd ibn Jubair dari Ibn 'Abbas r.a. berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: Barang siapa yang mengatakan tentang al-Qur'an dengan pendapatnya sendiri, maka hendaklah menempati tempat duduknya di neraka”.

Merujuk dalil hadith-hadith di atas, LDII melarang menafsirkan ayat-ayat al-Qur'an dengan menggunakan akal semata-mata yang tidak didukung oleh ilmu alat, meskipun dalam menfasis diperolehi kebenaran kerana menurut hadith-hadith tersebut dipandang salah. Oleh itu menurut LDII menafsir al-Qur'an harus mengikut sistematik penafsiran yang muktabar yang telah ditetapkan oleh Jumhūr 'Ulama, iaitu menafsirkan ayat dengan ayat dan menafsirkan ayat dengan hadith (*tafsir bi al-ma'sur*), dan menafsirkan al-Qur'an dengan perkataan sahabat. Kerana dengan kaidah penafsiran tersebut, menjauhkan dan menghindar dari kepentingan-kepentingan yang bercangah dengan syara'. Menurut LDII kebenaran yang dihasilkan oleh akal mempunyai kebenaran yang terhad. Kerana kebenaran akal belum tentu menjamin kebenaran yang Tuhan maksudkan.

Berdasarkan pandangan LDII di atas, bahawa kedudukan akal dalam berakidah mempunyai persamaan dengan Salafiyah.<sup>25</sup> Dengan kecondongan dan keterikatan terhadap

<sup>23</sup>Imām al-Hafīd Abī Dawūd Sulaimān Ibn al-Ash'as Ibn Ishāq al-Azadī al-Sijistānī (2000), *Sunan Abī Dawūd, Bāb al-Kalam fī al-Kitāb Allah bi ghairi 'Ilm*, Juz. 11 Hadith Nombor 3654, h. 1494 Lihat Al-Ṭabari, *Tafsir al-Ṭabari*, Juz. 1 Al-Mamlukah al-Arabiyah al-Su'udiyah: Dār al-Salam Linasyri wa tawzi'h. 79

<sup>24</sup>Al-Tirmidhī, *op.cit.*, *Bāb Mājāa fī al-Lazi yafsir al-Qur'ān bi ra'yihī*, Juz. 11, Hadith No. 2950, h. 1948

<sup>25</sup>Ibrahīm Madzkūr (1974), *Al-Falsafah al-Islāmīyah, Manhāj wa Tatbīquh*, Jilid II, Mesir: Dār al-Ma'arif, h. 30

al-Qur'an dan hadith Artinya dalam memahami seperti mengetahui kewajiban manusia kepada Allah hanya diketahui melalui wahyu bukan melalui akal. Demikian juga dengan keterbatasan akal tidak dapat membuat sesuatu menjadi wajib dan tak dapat mengetahui bahawa mengerjakan yang baik dan menjauhi yang buruk adalah wajib bagi manusia. Benar akan dapat mengetahui Tuhan tetapi wahyulah yang mewajibkan orang mengetahui Tuhan dan berterima kasih kepadaNya. Juga dengan wahyu dapat diketahui bahawa yang taat kepada Tuhan akan memperoleh ganjaran dan yang tidak taat akan mendapat hukuman

### C. Implementasi Pemikiran Keagamaan Lembaga Dakwah Islam Indonesia Kabupaten Kerinci

#### 1. Keagamaan

##### a. Dasar Keberagamaan

Pada konteks beragama, LDII mempunyai persamaan prinsip dengan organisasi sosial keagamaan di Indonesia seperti; Muhammadiyah, yang berpegang teguh daripada al-Qur'an, Hadith, Ijma dan Qias serta menyatakan dirinya bukan sebagai penganut salah satu mazhab. Meskipun LDII mempunyai persamaan fokus faham tetapi dalam memahami al-Qur'an dan hadith dengan menambahkan kata *jama'ah*.<sup>26</sup>

Kata *jamāah* di kalangan ahli LDII difahami dari hadith Nabi s.a.w. yang secara khususnya diertikan para sahabat Nabi s.a.w. sebagaimana dalam sabdanya yang bermaksud: "Hendaklah kamu kembali (*ittiba'*) kepada sunnahku dan sunnah para khulafa al-Rasyidin yang mendapat petunjuk selepasku".<sup>27</sup>

Komitmen LDII terhadap al-Qur'an hadith sebagaimana pernyataan dalam pembinaan generasi muda, sebagai berikut:

"....menepati al-Qur'an hadith Jemaah adalah ajakan yang utama, ajakan yang tidak ada bandingnya. Keutamaan menepati al-Qur'an Hadis Jemaah bukan seperti keutamaannya *kustur*(orang yang merasa faham tetapi sebenarnya tidak faham), tetapi fahumumnya betul-betul faham yang berdasar pada dalil-dalil dari al-Qur'andan al-Hadith yang pasti benar"

---

<sup>26</sup> Dewan Pimpinan Pusat Lembaga Dakwah Islam Indonesia (2003), *Direktori LDII*, Jakarta: DPP LDII, h.33-34

<sup>27</sup> Dari sudut bahasa *al-Jamaah* diambil dari kata *al-Jama'*, yang boleh diertikan kepada beberapa maksud (1) mengumpulkan atau menyatu-padukan yang berpecah belah (2) Golongan yang terbesar atau golongan yang paling ramai dari kalangan umat Islam (3) Golongan (kalangan )para ulama (4) Setiap umat Islam yang bersatu di bawah satu amir (pemerintahan Islam) (5) Para sahabat Nabi Muhammad s.a.w. (6)Setiap mukmin yang mengikut kebenaran yang disampaikan oleh Nabis.a.w. walaupun seorang diri. Lihat Khalid bin Abdul Latif bin Muhammad Nur, *Manhāj Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah wa Manhājal-Ash'āirah fi Tauhid Allah Ta'ala*, Juz. 1 h. 20

## b. Pelaksanaan Ibadah

Seiring dengan akidah yang berasas al-Qur'an Hadith, pelaksanaan ibadah ahli LDII ialah mencakupi segala apa-apa yang diperintahkan, menjauhi yang dilarang, yang dicintai Allah dan diridai-Nya, baik dalam bentuk ucapan atau perbuatan, yang tampak maupun yang tersembunyi, seperti do'a, salat, dan lain sebagainya. Merujuk daripada syari'at serta dalam mengesakan, mengagungkan dan mentaati-Nya LDII sentiasa menjaga kemurnian ibadah unsur-unsur *bidaah*, *khurafat*, *tahayul* dan *syirik*. Untuk mencapai tujuan dalam pelaksanaan ibadah mereka mengasaskan tiga prinsip utama iaitu; murni pedoman, murni pengamalan dan murni tujuan.

*Pertama*, murni pedoman Artinya segala bentuk ibadah baik wajib (*fardu*) maupun sunah harus dirujuk daripada al-Qur'an dan hadith. *Kedua*, murni pengamalan bermaksud bahawa dalam mengamalkan Qur'an dan Hadith yang telah dikaji secara *manqul musnad muttashhil* harus bersih dari bercampur *bid'ah*, *khurafat*, *syirik* dan *takhyul*. *Ketiga*, tulus niat artinya diterima dan tidaknya suatu ibadah sangat tergantung kepada niatnya.<sup>28</sup>

## 2. Bidang Politik

### a. Kepemimpinan

Dalam sistem pemilihan kepemimpinan, LDII secara am merujuk daripada al-Qur'an dan al-Hadith. Berdasarkan ayat dan hadith yang dijadikan dalil mereka lebih cenderung kepada sistem khalifah. Fahaman ini diperolehi daripada dalil-dalil yang dipergunakan sebagai asas dalam membangun organisasi LDII seperti; keharusan adanya *bai'ah* kepada amir/pemimpin dan ketaatan mutlak kepada khalifah. Kepemimpinan harus dibentuk dalam bentuk *kejamā'ahan* dan *bai'ah*.

Sedangkan terhadap konsep Negara, LDII mengakui pemerintahan yang sah adalah pemerintahan yang dibangun untuk kepentingan dan kemaslahatan bersama. Dalam sikap ini LDII mempunyai persamaan dengan pandangan Sunni bahawa urusan kenegaraan merupakan persoalan kemasyarakatan (*qadiyah maṣlahiyyah ijtimā'iyah*).

Sedangkan untuk memilih kepemimpinan, LDII juga mempunyai persamaan dengan tradisi pada masa kekhilafahan Islam bahawa pemimpin harus memiliki kemampuan memimpin dan juga mendalami ilmu agama. *Karena* dalam fahaman ini, seorang pemimpin mempunyai tugas sebagai pemimpin/ketua dan juga sebagai ulama.

---

<sup>28</sup> LDII CAI 2007, *op.cit.*, h.

#### b. Bentuk Negara

Selari menetapkan al-Qur'an Hadith LDII, berpandangan bahawa Negara baik adalah berasaskan kepada syariat Islam sesuai dengan perintah al-Qur'an dan Hadith. Pemimpin (*'amir/khalifah*) yang paling baik ialah Muslim yang taat kepada Allah s.w.t. dan Rasulullah s.a.w., berkemampuan menegakkan keadilan dan menyebarkan *amar al-ma'ruf wa nahi al-munkar*. Dengan lain perkataan sebagaimana system pemerintahan Islam seperti yang dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w. dan *khulafa al-rasyidin*.

Selanjutnya terhadap bentuk pemerintahan seperti; republik, kerajaan atau parlimen, LDII mengesahkan satubentuk di antara yang telah menjadi kesepakatan ummat Islam dalam sistem pentadbiran negara, namun yang penting ialah adanya pemerintahan yang berkomitmen terhadap pelaksanaan syariat Islam dari pelbagai dimensi, juga mampu memanfaatkan apa yang ditawarkan oleh zaman moden seperti sains dan teknologi dewasa kini. Kebebasan pandangan LDII tentang bentuk atau sistem kenegaraan *Karena* tidak ditemukan ayat al-Qur'an maupun al-Hadith yang secara khusus memerintahkannya untuk melaksanakan di antara sistem republik, kerajaan atau parlimen.

#### c. Afiliasi Politik

Dalam menyalurkan hak politiknya LDII telah mengalami dua fase iaitu *pertama*, berafiliasi kepada parti politik GOLKAR dari tahun 1971 sehingga tahun 2002. *Kedua* sebagai organisasi masyarakat yang independen terhadap parti politik dari tahun 2002 sehingga sekarang. Sikap dalam berpolitik LDII sebagaimana diakui oleh Dewan Pimpinan Daerah LDII Provinsi Jambi sebagai berikut:

LDII dalam wacana politik di Indonesia telah melalui dua bentuk pertama adalah bergabung dengan parti pemerintah Orde Baru (ORBA) iaitu Parti Golongan Karya. Sedangkan selepas era reformasi menempatkan sebagai organisasi Islam yang bersikap independent. Independent dimaksudkan LDII Artinya setiap ahli LDII diberikan kebebasan dan menyalurkan hak pilih sesuai dengan hati nuraninya. Kemudian setiap parti politik yang bermaksud menyampaikan visi dan misi parti pengerusi menerima tanpa diiringi dengan kontrak politik.<sup>29</sup>

### 3. Bidang Ekonomi

#### a. Membangun Sistem Ekonomi Syari'ah

Selari menetapi al-Qur'an Hadith sebagai asas dalam berakidah, LDII dalam membangun sistem ekonomi berasaskan syariah. Perilaku semuaaktiviti ekonomi harus

---

<sup>29</sup> Nurhamid Hadi, (Ketua DPD Provinsi Jambi, *Wawancara*, 2 Juni 2016

memberikan manfaat dan keuntungan yang sesuai dengan ajaran Islam. Menerusi keyakinan dan akidah dalam bidang ekonomi LDII menetapkan prinsip ekonomi, motif ekonomi dan sumber ekonomi berasas kepada ajaran Islam.

Perwujudan faham akidah dalam pelbagai aktiviti usaha, pekerjaan, harta; zakat, infak, dan sedekah, pengharaman riba, dan konsep keadilan dalam sosio ekonomi. Padangan ahli LDII dalam bidang ekonomi sebagaimana hadith yang dipergunakan dalam memahami hubungan iman dengan tanggungjawab berusaha dalam memenuhi keperluan hidup, sebagai berikut:

لَيْسَ الْإِيمَانُ بِالْتَّمَنِّي وَلَا بِالْتَّحَلِّي , وَلَكِنْ مَا وَقَرَ فِي الْقَلْبِ وَصَدَّقَهُ الْعَمَلُ<sup>30</sup>

Artinya: “Iman itu bukanlah merupakan harapan dan bukan pula perhiasan lahir, melainkan yang tertanam dalam hati dan dibuktikan oleh perbuatan”

Merujuk dalil yang dipergunakan, para ahli LDII berpandangan bahawa keimanan (akidah) harus terwujud dalam sikap semua amal perbuatan termasuk aspek ekonomi. Selari dengan pendapat Yusuf Qardhawi yang menyatakan bahawaiman merupakan kepercayaan, kerja dan keikhlasan. Para ahli kalam sepakat bahawa amal itu adalah bahagian dan tidak dapat diceraikan dari keimanan yang sempurna.<sup>31</sup>

Oleh itu, dalam menjabarkan ekonomi syariah DPP LDII melalui ketetapan No 037/DPP LDII/XI 2000 pengembangan ekonomi melalui usaha yang disebut Usaha Bersama (UB). Aktiviti Usaha Bersama merupakan usaha yang dibangun oleh anggota LDII dan bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan ekonomi ahli LDII. Meskipun demikian Usaha Bersama juga turut memberikan pelayanan kepada masyarakat am lainnya. Sebagai usaha meningkatkan ekonomi, Usaha Bersama (UB) berbasis ditingkat Pimpinan Cawangan (PC) yang tersebar diseluruh Indonesia.

#### b. Pengelolaan harta

Sikap bertauhid *Rubūbiyyah* dan *Ulūhiyyah*, ahli LDII dalam menjalankan hak dan kewajiban pengelolaan harta benda boleh dikatakan memiliki perbezaan yang signifikan dengan ahli di luaran LDII. Dalam *mentasarufkan* harta benda ahli LDII memiliki intensiti yang tinggi baik melalui zakat, infak dan sedekah. Dari ketiga jenis kewajiban terhadap harta tersebut, melalui infak dan sedekah mendapatkan perhatian lebih tinggi dengan

<sup>30</sup> Ibn Abi al-‘Izz al-Hanafi, *Sharh al-Ṭahāwīyah fī al-‘Aqīdah al-Salafīyah*, Juz. 2 Beirut : Dār al-Bayan h. 249 Lihat Ibn Taimiyah (t.t.), *Majmu’ Fatawa, Bāb al-Kilānīyah*, Juz. 1 Al-Rabat: Maktabat al-Ma`arif, h. 131

<sup>31</sup> Yusuf Qadlawi, *al-Īmān wa al-Hayah*, op.cit.

pertimbangan *Karena* pelaksanaan zakat ditentukan oleh *nisab* dan *aul*. Sehingga infak dan sedekah menjadi sarana untuk berlomba-lomba bagi ahli LDII dalam menyalurkan hartanya.

#### 4. Sosio Budaya

##### a. Adat (*'Urf*)

Sebagai satu kenyataan bahawa LDII sebagai pertubuhan dakwah Islam akan terus akan berhadapan dengan kebudayaan<sup>32</sup> masyarakat seperti adat resam dan pelbagai budaya masyarakat. Selari dengan asas akidah menetapi al-Qur'an dan al-Hadith Jamaah LDII menerima adat (*'urf*) sepanjang sesuai dengan syari'at Islam.

Pandangan LDII tersebut merujuk daripada kaidah fikih; "*al-'adat al-muhakkamah*" Artinya adat istiadat dan kebiasaan suatu masyarakat, yang merupakan bahagian dari budaya manusia, mempunyai pengaruh dalam menetapkan hukum. Demikian juga ketentuan "*al-thābit bil'urf thābit bi dalāl syar'i*" yang bermaksud sabit berdasarkan *'urf* sebenarnya sabit berdasarkan dalil syarak. Dan juga kaidah "*al-thābit bil'urf kā thābit bi nas*" Artinya apa yang sabit dengan *'urf* samalah dengan apa yang sabit dengan nas.<sup>33</sup>

Dalam aspek adat yang sebenarnya adat, ahli LDII menerimanya sebagai konsekuensi hukum alam (*sunatullah*) yang berlaku di atas dunia ini. *Karena* adat merupakan ketetapan Allah s.w.t. yang tidak akan berubah sehingga hari Kiamat. Dalam perspektif adat dikenal dengan ungkapan "*tak lekang oleh panas, tak lapuk oleh hujan, dipindah tidak layu, dibasuh habis air*". Artinya, semua ketetapan yang ada di alam ini memiliki sifat-sifat yang tak akan berubah oleh perubahan masa dan waktu. Dalam konteks 'adat yang sebenar adat' ahli LDII Provinsi Jambi, menerima semua ketentuan yang telah

---

<sup>32</sup>Dalam bahasa Melayu budaya disamaertikan dengan tamadun atau peradaban. Kata dasarnya berasal daripada bahasa Sanskrit *budhaya* bererti akal budi. Dalam bahasa Inggeris ia disebut sebagai *culture*. Perkataan asal dari bahasa Latin bermaksud menghasilkan bumi. Selanjutnya ia digunakan bagi erti penghasilan atau pengembangan akal. Dalam bahasa Arab disebut dengan perkataan *tahafah*, suatu istilah yang sangat rapat dengan istilah *tamadun* dan *Hadarah* bererti tamadun atau peradaban. Berasaskan daripada etimologi budaya boleh dihuraikan sebagai cara hidup masyarakat secara umum termasuk, cara berfikir, kepercayaan, adat resam, bahasa, teknologi, muzik sastera dan tradisi. Menurut ahli sosiologi mengartikan kebudayaan dengan keseluruhan kecakapan (adat, akhlak, kesenian, ilmu dan lain-lain). Para ahli sejarah mengertikan kebudayaan sebagai warisan atau tradisi. Ahli Antropogi melihat kebudayaan sebagai tata hidup, *way of life*, dan kelakuan. Definisi-definisi tersebut menunjukkan bahawa jangkauan kebudayaan sangatlah luas dapat disimpulkan bahawa kebudayaan meliputi; 1. Kehidupan Spritual 2. Bahasa dan Kesustraan 3. Kesenian 4. Sejarah 5. Ilmu Pengetahuan *Kamus Dewan* (1980), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Koentjara Ningrat (1980), *Pengantar Antropologi*, Jakarta: Aksara Baru, h. 195 Tawfiq Yusuf al-Wā'ī (1988), *Al-Ḥadārah al-Islāmiyyah Muqāranah bi al-Ḥadārah al-Gharbiyyah*, Kaherah: Dār al-Wafā' h. 19-21

<sup>33</sup> Al-Suyūfī (t.t.), *al-Asybah Wa al-Nazā'ir*, Kaherah: Maktabah al-Tijāriyyah, h. 80-88



menjadi hukum alam (*nature of law*) Karena hukum alam merupakan hukum Allah yang harus diyakini ketetapanannya.

b. Hak dan Kedudukan Wanita

Salah satu tema utama sekaligus prinsip pokok dalam ajaran Islam adalah persamaan antara manusia, antara lelaki dan wanita, antar bangsa, suku dan keturunan. Perbezaan yang meninggikan atau merendahkan hanyalah pengabdian dan ketakwaannya kepada Tuhan Yang Maha Esa.

Artinya: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya)”. Sūrah al-Hujarat (49): 13

Oleh itu, tidak ada satu pembicaraan khusus tentang wanita yang dikembangkan di LDII. Demikian tiada dibentuk secara khusus pertubuhan bagi kaum perempuan, baik bagi orang dewasa, pemuda yang berdiri secara otonom. Soalan wanita ditempatkan sebagai satu bidang dibawah bidang-bidang yang lain iaitu bidang perenan wanita. Faham mereka terhadap persoalan wanita, bukan hanya khusus bagi wanita sahaja, tetapi juga harus diketahui baik lelaki maupun wanita.

Meskipun kedudukan wanita dan lelaki secara am sama, namun dihadapan lelaki, wanita LDII kurang mempunyai *bargaining power* yang mencukupi. Faham mereka dirujuk dari sikap dan perilaku anggota LDII didorong oleh faham mereka daripada firman Allah S.W.T. :

Artinya: “Lelaki adalah pemimpin (*pelindung*) bagi perempuan, oleh itu Allah telah memberikan kelebihan di antara mereka di atas sebahagian yang lain, dan Karena mereka telah menafkahkan sebahagian dari harta mereka” Sūrah al-Nisā (4): 34

c. Kemasayarakatan

Merujuk daripada asas dalam menjalin hubungan sosial kemasayarakatan (*ukhuwwah*), LDII tetap berpedoman daripada konsep akidah Islam. Karena hakikatnya kehidupan manusia boleh mencapai kebahagiaan Karena menjalin hubungan dengan Allah, manusia dan alam sekitarnya.<sup>34</sup> LDII dalam bersosial kemasayarakatan harus dijalin

---

<sup>34</sup> Q.S. Ali Imran 3:104

menerusi al-Qur'an ialah persaudaraan yang dijalin oleh ikatan keluarga (Surah Tāhā (20)-29-30, persaudaraan dalam erti sebangsa walaupun tidak seagama (Surah al-A'raf (7):65, surah al-Haqqah (69):6-7, persaudaraan semasyarakat, walaupun berselisih faham (surah Sad (38):23), persaudaraan seagama (surah al-Hujarat (49): 10, persaudaraan sekemanusiaan (surah al-Hujarat (49): 13 dan persaudaraan sesama makhluk Allah (surah al-An'am (6): 38).

Selanjutnya sebagai NGO rasmi, LDII mempedomani daripada perundang-undangan yang ditetapkan pemerintah Republik Indonesia iaitu "Tri Kerukunan Umat Beragama" yang meliputi; (1) hubungan umat beragama, (2). hubungan antar umat beragama dan (3). hubungannya dengan pemerintah.

### **Kesimpulan**

Dari penelusuran yang dilakukan sepanjang penelitian ini, maka dapat disimpulkan :

1. Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) merupakan organisasi masyarakat Islam yang bergerak dibidang dakwah dan pendidikan. Sebagai organisasi LDII mempunyai proses sejarah panjang. Proses penumbuhan organisasi ini merupakan reaksi terhadap kondisi keberagamaan masyarakat Muslim Indonesia khususnya di Jawa Timur Indonesia iaitu pelaksanaan ajaran Islam yang telah bercampur dengan *tahayul*, *kurafat* dan *bida'ah*. Asal LDII merupakan organisasi dikenal dengan Lembaga Karyawan Islam (LEMKARI) tepatnya pada 1 Januari 1972. Kemudian melalui Musyawarah Nasional (MUNAS) diubah menjadi Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII). Sedangkan LDII menyebar dan berkembang di Kabupaten Kerinci sekitar tahun 80-an, yang dibawa oleh ulama LDII dari Jawa.
2. Lembaga Dakwah Islam Indonesia (LDII) sebagai organisasi Islam berasas kepada al-Qur'an dan Hadith. Dalam komitmen terhadap al-Qur'an dan Hadith mereka menambahkan kata "Jamaah". Oleh kalangan ahli LDII dikenal dengan al-Quran Hadith Jamaah. Selain al-Qur'an dan Hadith mereka juga mempergunakan Ijma' dan Qias.
3. Pengaruh akidah yang telah diyakini dalam oleh ahli-ahli LDII sebagai berikut: *Pertama* Dalam aspek keagamaan, LDII menerima al-Qur'an dan hadith Nabi s.a.w sebagai asas beragama. Demikian juga *qaul sahabat* baik dari segi qias mahupun ijmaknya. Pandangan dalam aspek ini, mereka praktikan dalam kehidupan keseharian baik dalam ibadah fardu mahupun ibadah sunah seperti; memurnikan asas dalam beragama, memurnikan pengamalan dan memurnikan niat/tujuan ibadah dari unsur *tahayul*, *khurafat*, *syirik* dan

*bidaah*. Kedua, aspek politik, LDII secara umum mempunyai pandangan kepada sistem pemerintahan khalifah yang dipimpin oleh seorang ‘amir. Asas mereka bersumber daripada hadith ‘Umar ibn Khattab, bahawa dalam beragama harus terikat oleh oleh Jamaah, bai’ah dan ketaatan kepada pemimpin. Namun terhadap sistem kenegaraan LDII mengambil sikap moderat. Ketiga dalam bidang ekonomi LDII mempengaruhi sikap rajin bekerja, meningkatkan kualiti dan produksi kerja, sehingga dalam kalangan LDII peringkat pengangguran boleh dikurangkan. Sikap ini mempengaruhi terhadap peringkat kesejahteraan ahli-ahli LDII. Faham terhadap Qadar yang telah ditetapkan Allah bukan bererti membatasi untuk kreatifiti dan pasrah menerima ketentuan Allah, tetapi bagi LDII adanya *qadar* tersebut menjadi pendorong untuk berbuat yang terbaik. Selanjutnya dalam mengembangkan sistem ekonomi LDII berasaskan kepada syari’at Islam. Ekonomi dibangun dengan sistem usaha bersama (UB). Usaha Bersama dilakukan dengan mengikutserta ahli-ahli LDII untuk memberikan kontribusi permodalan sesuai dengan kemampuan ekonomi masing-masing ahli. Pada prinsipnya UB adalah memberikan pelayanan kepada ahli tetapi juga bertujuan memberi pelayanan kepada masyarakat umumnya. UB yang telah dibina oleh LDII memiliki pelbagai usaha seperti kedai barang-barang harian, service, jasa umrah dan haji, pakai muslim, pertanian serta perkebunan. Sedangkan dalam bidang sosial Budaya telah memberikan pengaruh terhadap ahli-ahli LDII seperti terhadap adat (*urf*), hak dan kedudukan wanita dan sosio kemasyarakatan. Terhadap adat (*urf*) ahli-ahli LDII bersikap selektif untuk menerima adat sebagai dasar hukum. Ahli LDII menerima ‘adat yang sebenar adat’ kerana ia merupakan *sunatullah* demikian juga adat yang diadatkan. Sedangkan terhadap adat istiadat mereka akan mengkaji dari aspek syari’at Islam. Pengaruh kefahaman akidah telah menghapuskan terhadap praktikal adat istiadat yang bercanggah dengan ajaran Islam dan mengukuhkan adat yang selari dengannya.

### Daftar Pustaka

Departemen Agama RI, *Al-Qur’an dan Terjemahnya*.

Al-Suyūṭī (t.t.), *al-Asybah Wa al-Nazā’ir*, Kaherah: Maktabah al- Tijāriyyah

Azyumardi Azra (1996), *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*, Bandung: Mizan.

Dewan Pimpinan Pusat Lembaga Dakwah Islam Indonesia (2003), *Direktori LDII*, Jakarta: DPP LDII.

- H.M.C. Shodiq (2004), *Akar Kesesatan LDII dan Kasus Penipuan Triliunan Rupiah*, Jakarta: LPPI.
- Hartono Ahmad Jaiz (2006), *Aliran dan Paham Sesat di Indonesia*, Jakarta: Pustaka al-Kautsar,
- Ibn Abi al-‘Izz al-Hanafi, *Sharh al-Ṭahāwīyah fī al-‘Aqīdah al-Salafīyah*, Juz. 2 Beirut : Dār al-Bayan.
- Ibrahīm Madzkūr (1974), *Al-Falsafah al-Islāmīyyah, Manhāj wa Tatbīquh*, Jilid II, Mesir: Dār al-Ma’arif.
- Kuntowijoyo (1987), *Budaya dan Masyarakat*, Yogyakarta:Tiara Wacana, h. 91
- LDII (2007), *Makalah Cinta Alam Indonesia*, Jakarta:LDII.
- M.H. Allamah Thabathaba’i (1993), *Islam Syi’ah, Asal Usul dan Perkembangannya*, Jakarta: Grafiti
- Mahmud Manan (1980), *Pokok-Pokok Ajaran Islam Jemaah*, Jambi: Pusat Penelitian IAIN Sultan Taha Syaifuddin Jambi.
- Mālik, *Muwatha’*, *Bab Al-Nahy ‘Anqaul bi al-Qadr*, Juz 5 (Bayrut : Dar al-Nafa’is, 2009).
- Muhammad ‘Ajaj al-Khatib (1985), *Uṣul al-Hadīth* Kaherah: Dār al-Fikrh.
- Said Agil Siradj, Mereka Kita Anggap *Mutanāṭṭi’*, dalam Setiawa, Habib, et all. *After Paradigm: Catatan Para Ulama Tentang LDII*, Jakarta: Pusat Studi Islam Madani Institut.
- Tobroni (1996), *Keamiran dan Jamaah Studi Tentang Hubungan Amir-Jamaah dan Pengaruhnya Terhadap Perilaku Keagamaan warga LDII di Jawa Timur*, *Tesis*, Malang Universiti Muhammadiyah Malang.